



**PEPERIKSAAN AKHIR / FINAL EXAMINATION  
SEMESTER II – SESI 2020/2021**

KOD KURSUS : ASY1323  
*COURSE CODE*

NAMA KURSUS : FIQH AL-IBADAT  
*COURSE NAME* : *FIQH AL-IBADAT*

TAHUN/PROGRAM : 1/ DIPLOMA SYARIAH  
*YEAR/PROGRAMME* : *1/ DIPLOMA IN SYARIAH*

TEMPOH : 2 JAM 30 MINIT  
*DURATION* : *2 HOURS 30 MINUTES*

TARIKH : APRIL 2021  
*DATE*

**ARAHAN  
INSTRUCTION**

1. JAWAB SEMUA SOALAN DALAM **BAHAGIAN A.**  
*ANSWER ALL QUESTIONS IN **PART A.***
2. JAWAB HANYA **EMPAT (4)** SOALAN SAHAJA DALAM BAHAGIAN B.  
*ANSWER ONLY **EMPAT (4)** QUESTIONS IN **PART B.***
3. TULIS JAWAPAN ANDA DI DALAM KERTAS JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.  
*WRITE YOUR ANSWER IN THE GIVEN ANSWER SHEETS.*
4. CALON DIKEHENDAKI MEMATUHI SEMUA ARAHAN PEPERIKSAAN.  
*CANDIDATES ARE REQUIRED TO FOLLOW ALL EXAMINATION INSTRUCTIONS.*

NO. K/P <i>I/C NO.</i>	
TAHUN/PROGRAM <i>YEAR/PROGRAMME</i>	
NAMA PENSYARAH <i>LECTURER'S NAME</i>	RADIN SERI NABAHAH BT AHMAD ZABIDI

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI 11 MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN  
*THIS EXAMINATION PAPER CONSISTS OF 11 PAGES INCLUDING THE FRONT PAGE*

## القسم الأول

### الدرجة : ٢٠

عين الصواب أو الخطأ من البيانات الآتية في الورقة الإجابة الخاصة.

- 1- المستحاضة تتوضأ لكل فريضة.
- 2- التيمم بدل الغسل فريضة لمن كان في حاجة إليه.
- 3- لا يجب الغسل بالتقاء الختانين.
- 4- لا يجوز التيمم لمن عنده ماء يكفيه للشرب.
- 5- الحيض و النفاس والإستحاضة من الأعذار المانعة من الصوم.
- 6- لا يجوز للمصلين تكلم ما عدا القرآن و الذكر و الدعاء.
- 7- الصلاة على النبي(ص) بعد التشهد الأخير من سنن الصلاة.
- 8- النجاسة المخففة تبطل الوضوء دون الصلاة.
- 9- يجب على من صلى النوافل القيام عند تكبيرة الإحرام إلا لعذر.
- 10- رفع اليدين عند تكبيرة الإحرام واجب لمن صلى الفرض.
- 11- المرض و السفر من الأعذار لافطار الصوم في شهر رمضان.
- 12- يجب على الصائم الإغتسال عن الجنابة قبل الفجر.
- 13- لا يصح صوم النافلة لمن لم ينوي ليلة قبل الفجر.
- 14- إذا أفطر في آخر النهار ظاناً غروب الشمس، ثم تبين أنها لم يكن قد غابت بعد بطل صيامه.

- 15- لا يجب الصيام على المجنون المطبق بياض النهار كله.
- 16- فرضت الزكاة في السنة الثانية من الهجرة.
- 17- لا تجب زكاة الذهب الخليلي للمرأة لو لم يكن بالغاً حد السرف.
- 18 - يصح حج الطفل غير المميز.
- 19- تبطل الحج لمن ترك الوقوف بعرفة.
- 20- الميقات الزماني للحج هو شهر شوال و ذي القعدة و العشر الأول من ذي الحجة.

## القسم الثاني

الدرجة : 80

اجب عن أربعة فقط من الأسئلة الآتية.

## السؤال الأول (20 درجات)

- 1- ما المراد بالوضوء لغة و اصطلاحا. (3 درجات)
- 2- هات الدليل على مشروعية الوضوء. (درجتان)
- 3- تحدث عن ثلاثة من سنن الوضوء و ثلاثة من مكروهاته. (6 درجات)
- 4- بيّن أربعة من الأمور يحرم بالجنابة. (4 درجات)
- 5- تكلم عن أقل مدة النفاس و غالبها و أكثرها. (3 درجات)
- 6- ما حكم صلاة من تيمم قبل دخول وقت الصلاة؟ (درجتان)

## السؤال الثاني (20 درجات)

- 1- الصلاة فرض على كل مسلم. وضح حكم من ترك الصلاة جاحدا لوجوبه. (4 درجات)
- 2- اذكر أربعاً من شروط صحة الصلاة. (4 درجات)
- 3- بين ثلاثة من الأمور تخالف فيها المرأة الرجل في الصلاة. (6 درجات)

- 4- تكلم عن أربعة من مبطلات الصلاة. (4 درجات)
- 5- ما حكم من صلّى فرض الظهر فأنكشف عورته بدون قصده؟ (درجتان)

### السؤال الثالث (20 درجات)

- 1- ما المراد بالصيام لغة و اصطلاحا. (3 درجات)
- 2- متى فرض الصيام و اذكر دليلا واحدا على مشروعية صيام رمضان؟ (4 درجات)
- 3- اذكر ثلاثا من مفطرات الصوم. (3 درجات)
- 4- هات ثلاثة من الصوم المسنون و نوعين من الصوم المحرم. (5 درجات)
- 5- بيّن ثلاثة من آداب الصيام. (3 درجات)
- 6- ما حكم المرأة الحامل التي تفطر صوم رمضان خوفا من حصول الضرر على طفلها؟ (درجتان)

### السؤال الرابع (20 درجات)

- 1- يجب الحج و العمرة على من توافرت فيه الشروط المخصوصة. اذكرها. (6 درجات)
- 2- تكلم عن أربعة من واجبات الحج. (4 درجات)
- 3- اذكر أربعة من محرمات الإحرام. (4 درجات)
- 4- ما الفرق بين الحج و العمرة؟ (4 درجات)
- 5- ما حكم انكح الولي ابنته في الإحرام؟ (درجتان)

## السؤال الخامس (20 درجات)

- 1- ما المراد بالزكاة اصطلاحاً؟ و هات دليلاً واحداً لوجوبها. (4 درجات)
- 2- تجب الزكاة بثلاثة شروط. أذكرها. (3 درجات)
- 3- أذكر أربعة من الأموال التي تجب فيها الزكاة. (4 درجات)
- 4- مستحقو الزكاة ثمانية أصناف. أذكر كلها. (4 درجات)
- 5- ملك محمد 100 غراماً من الذهب بعد حلول الحول. كم تجب عليه الزكاة إذا كان قيمة الغرام الواحد من الذهب اليوم 260 رنجيتاً؟ (3 درجات)
- 6- ما حكم اخراج زكاة الفطر بعد صلاة العيد؟ (درجتان)

انتهت الأسئلة

**BAHAGIAN A (20 markah)**

**ARAHAN :** TENTUKAN **BETUL** ATAU **SALAH** BAGI PERNYATAAN BERIKUT DI DALAM KERTAS JAWAPAN.

1. Wanita yang istihadhah perlu berwudhu' setiap kali solat fardu.
2. Tayammum menggantikan mandi wajib bagi sesiapa yang berhajat.
3. Tidak wajib mandi wajib dengan bertemunya dua kemaluan.
4. Tidak harus bertayammum bagi orang yang memiliki air yang hanya mencukupi untuk minuman.
5. Haid, nifas dan istihadhah merupakan keuzuran yang menghalang daripada berpuasa.
6. Tidak harus bagi orang yang solat untuk berkata-kata selain bacaan Al-Quran, zikir dan doa.
7. Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW selepas tasyahhud akhir merupakan perkara sunat dalam solat.
8. Najis mukhaffafah membatalkan wudhu' tetapi tidak membatalkan solat.
9. Orang yang solat sunat diwajibkan berdiri semasa takbiratul ihram melainkan jika keuzuran.
10. Mengangkat tangan ketika takbiratul ihram adalah wajib ketika menunaikan solat fardhu.
11. Sakit dan bermusafir merupakan keuzuran yang diharuskan berbuka pada bulan Ramadhan.
12. Wajib ke atas orang yang berpuasa untuk mandi *janabah* sebelum Subuh.
13. Tidak sah puasa sunat bagi orang yang tidak berniat pada malam hari sebelum Subuh.

14. Apabila seseorang berbuka pada akhir siang kerana menyangka telah terbenam matahari, kemudian didapati matahari belum terbenam lagi, maka terbatal puasanya.
15. Tidak wajib puasa bagi orang yang gila sepanjang hari.
16. Difardhukan zakat pada tahun kedua *hijriah*.
17. Tidak wajib zakat emas perhiasan bagi perempuan sekiranya tidak mencapai tahap membazir.
18. Haji kanak-kanak yang belum *mumayyiz* adalah sah.
19. Terbatal haji bagi orang yang meninggalkan *wukuf* di 'Arafah.
20. *Miqat Zamani* bagi haji ialah bukan Syawal, Zulkaedah dan sepuluh hari awal bulan Zulhijjah.



**BAHAGIAN B (80 MARKAH)**

ARAHAN: JAWAB **EMPAT** SOALAN SAHAJA DARIPADA SOALAN-SOALAN BERIKUT.

**SOALAN SATU (20 MARKAH)**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan wudhu' dari sudut bahasa dan istilah syara'? (3 markah)
2. Nyatakan dalil pensyariatan wudhu'. (2 markah)
3. Terangkan tentang **tiga** perkara sunat dalam berwudhu' dan **tiga** perkara makruh dalam berwudhu'. (6 markah)
4. Terangkan **empat** perkara yang haram dilakukan oleh orang yang dalam keadaan janabah. (4 markah)
5. Bincangkan tempoh minima, tempoh kebiasaan dan tempoh maksima bagi nifas. (3 markah)
6. Apakah hukum solat orang yang bertayammum sebelum masuk waktu? (2 markah)

**SOALAN DUA (20 MARKAH)**

1. Solat wajib ke atas setiap muslim. Terangkan hukum orang yang meninggalkan solat dalam keadaan mengingkari kewajipannya. (4 markah)
2. Sebutkan **empat** syarat sah solat. (4 markah)
3. Terangkan **tiga** perkara berbeza antara lelaki dan perempuan di dalam solat. (6 markah)
4. Bincangkan **empat** perkara yang membatalkan solat. (4 markah)
5. Apakah hukum solat orang yang solat fardhu Zohor, kemudian terbuka aurat tanpa disedari semasa solat? (2 markah)

**SOALAN TIGA (20 MARKAH)**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan puasa dari sudut bahasa dan istilah? (3 markah)

2. Bilakah puasa difardhukan dan sebutkan **satu dalil** pensyariatannya puasa Ramadhan? (4 markah)
3. Jelaskan **tiga** perkara yang membatalkan puasa. (3 markah)
4. Terangkan **tiga** jenis puasa sunat dan **dua** jenis puasa yang diharamkan. (5 markah)
5. Jelaskan **tiga** adab berpuasa. (3 markah)
6. Apakah hukum wanita hamil yang berbuka puasa Ramadhan kerana bimbang berlaku mudharat pada kandungannya? (2 markah)

#### SOALAN EMPAT (20 MARKAH)

1. Haji dan umrah wajib kepada orang yang memenuhi syarat-syarat yang khusus.  
Terangkan syarat-syaratnya. (6 markah)
2. Bincangkan **empat** daripada perkara wajib haji. (4 markah)
3. Jelaskan **empat** perkara yang haram dilakukan semasa ihram. (4 markah)
4. Apakah perbezaan antara haji dan umrah? (4 markah)
5. Apakah hukum wali yang mengahwinkan anak perempuannya semasa ihram? (2 markah)

#### SOALAN LIMA (20 MARKAH)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan zakat dari sudut istilah? Berikan **satu dalil** mewajibkannya. (4 markah)
2. Zakat wajib apabila memenuhi tiga syarat. Sebutkan syarat tersebut. (3 markah)
3. Sebutkan **empat** jenis harta yang diwajibkan padanya zakat. (4 markah)
4. Penerima zakat terdiri daripada lapan golongan. Sebutkan **semuanya**. (4 markah)
5. Muhammad memiliki simpanan 100 gram emas setelah sampai haul.  
Berapakah kadar zakat yang wajib dikeluarkannya jika kadar 1 gram emas semasa ialah RM260.00? (3 markah)
6. Apakah hukum mengeluarkan zakat fitrah selepas solat sunat hari raya? (2 markah)

SOALAN TAMAT

*[END OF QUESTION]*